

Kekurangan Guru: Beri Peluang Kerajaan Laksana Pendekatan Bernama
5 April, 2012

KUALA LUMPUR, 5 April (Bernama) -- Pengumuman Timbalan Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin Yassin berhubung usaha menangani masalah kekurangan guru di sekolah vernakular Cina membuktikan kerajaan serius mengatasi masalah itu dan Kementerian Pelajaran harus diberi peluang melaksanakan pendekatan berkenaan.

Timbalan Setiausaha Agung Persekutuan Persatuan-persatuan Cina Malaysia (Huazong) Dr Chin Yew Sing berkata golongan akademik dan persatuan Cina tidak wajar terus mempolitikkan isu Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC) ini dan membenarkan rancangan itu dilaksanakan tanpa gangguan.

"Sekarang dengan pengumuman rasmi TPM (Timbalan Perdana Menteri), lapan perkara dalam rancangan itu menjadi rasmi. Ia menunjukkan keseriusan kerajaan untuk menangani perkara ini sehingga selesai. Marilah kita sama-sama melaksanakannya," katanya kepada Bernama di sini Khamis.

Muhyiddin yang juga Menteri Pelajaran dalam kenyataan semalam, mengumumkan pelbagai usaha termasuk inisiatif jangka pendek dan panjang untuk menangani isu itu.

Beliau berkata sebagai sebuah kerajaan yang prihatin, langkah-langkah sistematik, dasar yang seragam dan berterusan telah dan sedangpun diambil untuk menangani isu kekurangan guru di SJKC.

---BERNAMA

Hakcipta © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=657260>